Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 11, e001898
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1898

Sikap Guru Sejarah Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)

(Attitudes Towards Historical Thinking Skills: A Preliminary Survey Among History Teachers)

Suhaida Binti Mohd Sahid[1*], Shahabuddin Bin Hashim[2]

[1]Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.
Email: suhaidamsahid@gmail.com
[2]Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.
Email: shah@usm.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Suhaida Binti Mohd Sahid
(suhaidamsahid@student.usm.my)

KATA KUNCI:
Sikap
Guru Sejarah
Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)

KEYWORDS:
Attitude
History Teacher
Historical Thinking Skills

CITATION:
Suhaida Mohd Sahid & Shahabuddin Hashim. (2022). Sikap Guru Sejarah Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(11), e001898. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1898

ABSTRAK

Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) merupakan salah satu disiplin sejarah yang perlu dilaksanakan oleh guru Sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sejarah. Seseorang guru Sejarah perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan supaya objektif pengajaran dapat disampaikan dengan baik. Selain itu, sikap guru sangat penting dalam memastikan guru konsisten dan sentiasa positif untuk melaksanakan pengajaran terutamanya dalam menyampaikan kelima-lima elemen KPS kepada murid-murid. Walau bagaimanapun, menurut Nur Hawa Hanis dan Ghazali (2018) guru yang bersikap negatif menyebabkan mereka gagal mencerna minda murid supaya lebih berfikir secara kritis dan boleh menghasilkan idea-idea baru. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sikap guru terhadap KPS dalam kalangan guru Sejarah Tingkatan 2. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan empat orang guru Sejarah sekolah menengah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru Sejarah mempunyai sikap yang positif yang terdiri daripada konstruk kognitif, afektif dan tingkah laku. Persepsi guru Sejarah menunjukkan sikap positif dan konsisten terhadap pelaksanaan KPS. Oleh itu, implikasi kajian ini mencadangkan kepada semua guru Sejarah untuk mengambil langkah-langkah yang strategik bagi memastikan sikap yang lebih positif terhadap KPS terutama dalam proses PdP Sejarah. Dapatan ini diharap dapat dijadikan panduan terutamanya kepada guru Sejarah, pihak sekolah, penggubal dasar, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Institusi Pendidikan Guru (IPG) dan pihak universiti.

ABSTRACT

Historical Thinking Skills are one of the historical disciplines that must be implemented by History teachers in the teaching and learning of History. A History teacher needs to equip himself with knowledge so that the teaching objectives can be delivered well. In addition, the teacher's

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

attitude is very important in ensuring that the teacher is consistent and always positive to carry out teaching, especially in conveying the five elements of Historical Thinking Skills to the students. However, according to Nur Hawa Hanis and Ghazali (2018), teachers who are negative cause them to fail to digest the students' minds so that they think more critically and can generate new ideas. This study aims to examine teachers' attitudes towards Historical Thinking Skills among Form 2 History teachers. This study uses a qualitative method involving four high school History teachers. The results of this study show that History teachers have a positive attitude that consists of cognitive, affective and behavioral constructs. The perception of History teachers shows a positive and consistent attitude towards the implementation of Historical Thinking Skills. Therefore, the implications of this study suggest to all History teachers to take strategic steps to ensure a more positive attitude towards historical thinking skills, especially in the teaching and learning process of History. It is hoped that this finding can be used as a guide especially for History teachers, schools, policy makers, the Malaysian Ministry of Education, the State Department of Education, Teacher Education Institutions and universities.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa sikap positif guru Sejarah dapat membantu guru Sejarah dalam melaksanakan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). Bagi melaksanakan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah, kesediaan guru daripada aspek pengetahuan dan kemahiran serta sikap amat diperlukan. Sikap positif guru dapat membantu memaksimumkan penyampaian KPS kepada murid-murid.

1. Pengenalan

Dalam usaha memperkukuh dan memperkemaskan sistem pendidikan kebangsaan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka satu pelan pendidikan iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Antara tuntutan yang digariskan dalam PPPM 2013-2025 ialah kepada pendekatan kemahiran berfikir yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global. Tujuan utama pelan ini adalah untuk menggariskan strategi dan inisiatif untuk meningkatkan lagi kualiti sistem pendidikan. Hal ini kerana, guru yang berkualiti dan berani menghadapi cabaran menjadi sandaran Kementerian Pendidikan untuk merealisasikan transformasi pendidikan negara seperti dihasratkan. Mata pelajaran Sejarah merupakan subjek wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula tahun 2013 dan pada tahun 2014 pula mata pelajaran ini diperkenalkan di peringkat sekolah rendah mengikut Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2019). Keadaan ini jelas memperlihatkan kepada umum bahawa mata pelajaran Sejarah ini amat penting kepada rakyat negara ini. Murid diajar memahami ciri-ciri sejarah supaya dapat meningkatkan kemahiran berfikir dengan lebih kritis dan analitis. Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) ialah suatu proses berfikir secara analitikal, kritis dan bertujuan untuk memahami peristiwa yang berlaku pada masa lalu dan dihubungkan dengan masa kini, sebagai persediaan untuk masa hadapan (Siti Hawa, 2019). Kemahiran Pemikiran Sejarah yang perlu dipupuk antaranya kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi (Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2003; 2015). Oleh itu Guru Sejarah perlu memainkan peranan penting dalam merealisasikan hasrat dan matlamat pendidikan Sejarah.

1.1. Latar Belakang Kajian

Sikap telah ditakrifkan sebagai sebarang bentuk pemikiran, perasaan dan tindak balas dalam sesuatu perkara yang melibatkan suatu ruang lingkup yang tertentu dan tersusun (Noorafini et al., 2017). Sikap dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu kognitif (idea dan kepercayaan), afektif (perasaan dan kecenderungan), dan tingkah laku (tindakan dan jawapan) (Padmanaban Madawan et al., 2017). Ketiga-tiga komponen ini membawa perubahan terhadap tingkah laku seseorang dalam melakukan sesuatu perkara. Sikap guru memainkan peranan yang penting bagi menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Sejarah terutama dalam melaksanakan KPS dan mempunyai perkaitan rapat dengan amalan guru semasa dalam kelas. Sikap guru yang positif akan menentukan keberkesanan dalam amalan pengajaran seharian dan sebaliknya sikap guru yang negatif akan menjejaskan pembelajaran murid.

Seseorang guru perlu melengkapkan diri dengan penguasaan pengetahuan di samping memiliki sikap yang profesional dalam mengamalkan KPS sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Hal ini kerana bagi memastikan elemen KPS dapat difahami dan dikuasai oleh murid-murid. Menjadi seorang guru sejarah yang hebat pada masa kini bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam kandungan malah mereka perlu menjadi seorang guru yang memiliki sikap proaktif mengikut perkembangan dunia masa kini termasuklah dalam perkembangan dunia pendidikan. Oleh kerana itu, golongan pendidik pada masa kini perlu membuat perancangan proses pembelajaran dan pemudahcaraan dengan teratur berdasarkan kurikulum Sejarah (Bahagian Pembangunan Kurikulum [BPK], 2018). Guru perlu memiliki sikap kognitif iaitu konsisten dalam melaksanakan KPS supaya proses PdP dapat menarik minat murid dalam mendapatkan ilmu pengetahuan dan pendedahan berkaitan elemen KPS menerusi proses PdP yang lebih menarik dan berkesan dalam kelas. Tambahan pula, sikap guru aspek afektif juga bukanlah benda yang baharu bagi warga pendidik, tetapi ia mungkin menjadi perkara yang baharu bagi pendidik kini untuk diaplikasikan sebagai medium pengajaran berkaitan KPS yang sebelum ini hanya berlaku di dalam bilik darjah tanpa disedari akan kepentingannya.

Sejajar dengan matlamat KPM, ia juga membantu guru dalam mengamalkan sikap positif dalam melaksanakan KPS dalam pendidikan Sejarah dengan membenarkan guru mengubah sikap daripada yang kurang positif kepada yang lebih positif agar dapat menarik minat murid dan memberi inspirasi kepada mereka untuk terus menyampaikan elemen KPS dalam mata pelajaran Sejarah. Dalam melaksanakan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah, sikap guru juga merupakan aspek yang sangat dititikberatkan (Mohd Mahzan et al., 2016). Guru yang positif bukan hanya mengajar teori semata-mata namun, mendidik murid mengamalkan ilmu yang dipelajari mereka. Ini adalah selari dengan fokus utama KSSM bagi mata pelajaran Sejarah adalah untuk melahirkan murid yang arif dan peka Sejarah serta mampu menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang berdaya saing pada masa hadapan. Kurikulum ini memberi penekanan kepada kesepaduan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai agar dapat memberi pemahaman kepada murid dalam membina jati diri serta semangat cinta akan negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum [BPK], 2016). Oleh itu, sikap positif yang ada dalam diri guru

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sejarah dalam melaksanakan KPS akan dapat membantu guru Sejarah melaksanakan KPS dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif seterusnya membantu guru menangani perubahan dalam amalan pengajaran semasa.

Bagi merealisasikan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk kemenjadian murid, maka guru Sejarah perlu melakukan perubahan. Sikap guru yang positif akan terhasil berdasarkan komitmen padu guru Sejarah dalam pelaksanaannya. Dalam memenuhi aspirasi seorang pendidik yang bertanggungjawab, guru hari ini perlu menyedari tugas dan amanah yang amat penting telah diserahkan kepada mereka untuk mendidik generasi yang akan dewasa nanti. Oleh itu, guru Sejarah mestilah sentiasa bersifat yakin, minat, peka dan berupaya menyesuaikan diri untuk menghadapi perubahan terutamanya dalam melaksanakan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Ini adalah kerana, kajian-kajian lepas menunjukkan sikap mereka terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah adalah pada tahap yang sederhana (Azrul Azeem, 2019). Kajian lepas menunjukkan ramai guru sejarah belum bersedia untuk menerapkan kemahiran pemikiran sejarah terhadap murid-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah. Hal ini telah dibuktikan dalam hasil kajian Krishnaveni (2013), Lisa Yip (2014) dan Rosy (2016) bahawa penerapan kemahiran pemikiran sejarah masih pada tahap sederhana dalam kalangan guru Sejarah.

1.2. Pernyataan Masalah

Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) telah dititikberatkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum dalam bentuk Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi mata pelajaran Sejarah sebagai satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap murid untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah (Bahagian Pembangunan Kurikulum [BPK], 2016). Sehubungan itu, objektif utama KPS dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Sejarah adalah untuk melahirkan murid yang berpemikiran sejarah secara kritis, kreatif dan analitis dalam memahami ilmu sejarah dengan penuh empati. Walau bagaimanapun, sikap kurang positif terhadap proses pengajaran mata pelajaran Sejarah turut menimbulkan masalah kepada aktiviti pembelajaran murid di bilik darjah terutama dalam menyampaikan KPS kepada murid-murid. Guru yang sambil lewa dan tidak menguasai pengajaran akan membawa masalah dalam sistem pendidikan negara. Sebaliknya guru perlu mengamalkan sikap yang positif, berpersonaliti menarik dan bermotivasi terutama dalam melaksanakan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Sikap negatif guru menyebabkan mereka gagal mencerna minda murid supaya lebih berfikir secara kritis dan boleh menghasilkan idea-idea baru (Nur Hawa Hanis & Ghazali, 2018). Guru mestilah menguasai isi-isi pelajaran dan yakin supaya pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan baik dan sempurna. Dengan yang demikian, pelaksanaan KPS secara berstruktur akan dapat dilakukan dan pastinya akan menambahkan lagi minat serta keinginan murid untuk belajar Sejarah. Walaupun guru-guru Sejarah mengalami kekangan-kekangan dalam melaksanakan KPS seperti dari aspek masa yang tidak mencukupi, sukatan pelajaran yang padat, penekanan berlebihan terhadap aspek akademik dan peperiksaan, beban tugas guru dan sikap guru sendiri yang tidak mahu mengambil kisah tentang elemen kemahiran pemikiran sejarah (KPS) (Azrul Azeem, 2019). Namun, keperluan untuk menjadi guru Sejarah profesional begitu dituntut dalam Pendidikan Sejarah serta kalangan masyarakat. Maka terdapat satu keperluan kepada pengkaji dalam kajian ini untuk mengkaji sikap guru terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam kalangan guru Sejarah Tingkatan Dua.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1.3. Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sikap guru terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam kalangan guru Sejarah sekolah menengah. Sikap guru melibatkan aspek kognitif, afektif dan tingkah laku turut dikaji.

1.4. Objektif kajian

i. Mengkaji sikap guru sejarah terhadap pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah

1.5. Persoalan kajian

Persoalan kajian ini ialah:

ii. Bagaimanakah sikap guru sejarah dalam melaksanakan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) melibatkan aspek kognitif, afektif dan tingkah laku?

2. Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan kaedah kualitatif. Berdasarkan reka bentuk kajian ini, pengkaji menjalankan kajian menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen untuk mendapatkan data bagi menjawab persoalan kajian. Soalan temu bual adalah instrumen utama untuk mengumpul data bagi menjawab semua persoalan mengenai sikap guru terhadap pelaksanaan KPS dalam kalangan guru sejarah. Peserta kajian terdiri daripada empat orang guru Sejarah dari dua buah sekolah menengah dari sebuah daerah di negeri utara Semenanjung Malaysia yang dipilih berdasarkan teknik pensampelan bertujuan. Dalam kajian ini, temu bual dilakukan secara bersemuka. Kelebihan membuat temu bual secara bersemuka adalah mudah untuk dijalankan kerana peserta kajian dapat memberikan tindak balas pada bila-bila masa dan di mana sahaja mengikut keselesaan peserta kajian. Temu bual yang dijalankan adalah berbentuk semi berstruktur untuk memastikan pengkaji dapat menganalisis data dengan lebih terperinci dan menjawab semua persoalan dengan lebih tepat. Bagi memastikan kajian ini lebih bermakna, penyelidik telah memilih reka bentuk penyelidikan kualitatif berbentuk kajian kes. Kajian ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kaedah tematik. Data-data yang diperoleh daripada instrumen tersebut di triangulasi dengan menggunakan analisis kandungan dan dokumen serta pemerhatian.

3. Hasil Kajian

3.1. Sikap guru Sejarah dalam melaksanakan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) bagi aspek kognitif

Hasil analisis temu bual yang dijalankan, tema berkaitan sikap kognitif guru Sejarah dalam menyampaikan KPS turut dikenal pasti. Analisis kajian mendapati sikap guru Sejarah sangat positif dalam melaksanakan KPS. Ini adalah kerana guru merupakan komponen penting semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Setiap amalan dan tingkah laku guru akan mempengaruhi dan memberi impak yang besar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran terutama dalam melaksanakan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). Hasil temu bual peserta kajian, pengkaji telah mendapati antara sikap guru

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sejarah aspek kognitif adalah konsistensi guru dalam melaksanakan KPS. Walaupun guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah bukan opsyen, mereka dapat melaksanakan KPS secara konsisten kerana mempunyai sikap kognitif dalam diri masing-masing.

Menurut GA dan GC, elemen KPS disampaikan kepada murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah secara konsisten.

> *"….sebelum saya mengajar saya akan menulis rancangan pengajaran dan memasukkan elemen KPS sebab saya selalu rujuk dalam DSKP Sejarah"* (GA:L1, ms1, b10)

> *"… saya rujuk buku teks Sejarah sebelum mengajar elemen KPS, sebab boleh tunjuk kat murid-murid dan bagi contoh kepada mereka…"* (GC:L2, ms1, b14)

Analisis rancangan pengajaran mengesahkan bahawa GA dan GC membuat persediaan rancangan pengajaran secara konsisten yang mengandungi elemen KPS dalam penulisan rancangan pengajaran masing-masing.

Manakala GB dan GD menyatakan bahawa mereka tidak konsisten melaksanakan KPS kerana mempunyai cabaran tersendiri.

> *"…kadang-kadang saya tak boleh nak sampikan KPS dengan baik sebab cabaran BBM, kami cikgu sekolah ni berebut nak masuk bilik Sejarah sebab dalam tu banyak BBM yang boleh guna..."* (GB: L1, ms1, b12)

> *"…emmmm saya ni bukan cikgu opsyen Sejarah pun, KPS tu macam payah sikit nak ajar. Kadang ada idea ok la…"* (GD:L4, ms1, b19)

Dapatan ini dikuatkan lagi dengan dapatan pemerhatian yang menunjukkan GB hanya mengajar Sejarah untuk elemen tertentu sahaja iaitu memahami kronologi dan membuat imaginasi manakala GD melaksanakan KPS untuk elemen memahami kronologi dan meneroka bukti semasa pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Kenyataan di atas telah membuktikan bahawa sikap guru Sejarah bagi aspek kognitif menunjukkan guru Sejarah konsisten dalam melaksanakan KPS dan namun terdapat guru Sejarah yang tidak konsisten dalam menyampaikan KPS disebabkan cabaran dan halangan yang dihadapi oleh mereka iaitu cabaran menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) dan cabaran mereka guru bukan opsyen Sejarah.

3.2. Sikap guru Sejarah dalam melaksanakan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) bagi aspek Afektif

Berdasarkan data yang diperoleh oleh pengkaji dalam menjawab persoalan mengenai sikap guru Sejarah dalam melaksanakan KPS aspek afektif menunjukkan bahawa GB dan GC melaksanakan KPS dengan bersemangat dan mereka sedia membuat perubahan dalam sistem pendidikan Malaysia terutama dalam melaksanakan KPS kepada murid-murid mereka. Hal ini dijelaskan oleh GB seperti berikut:

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

> *"…setiap kali waktu Sejarah saya mesti semangat, sebab nak share benda baru dalam topik Sejarah yang berkaitan dengan tajuk yang nak diajar"*. (GB:L1, ms1, b15)

GC pula menyatakan bahawa dia akan besungguh-sungguh dalam melaksanakan KPS walaupun mengajar di kelas murid yang berprestasi lemah.

> *"… walaupun terpaksa ajar kelas belakang sekali, saya akan ajar semuanya dengan bersungguh-sungguh. Saya tak kisah sebab saya boleh guna banyak inovasi dalam PdP, hihihi…"* (GC: L2, ms2, b6)

Dari segi sikap guru Sejarah dalam melaksanakan KPS aspek afektif menunjukkan bahawa guru Sejarah bersemangat dan bersungguh-sungguh. Terdapat guru sejarah melakukan perubahan dalam PdP dan ada di antara mereka yang menunjukkan mereka membuat inovasi dalam melaksanakan KPS. Kenyataan setiap peserta kajian menunjukkan bahawa setiap guru Sejarah komited dalam menyampaikan pengajaran berkaitan KPS mengikut kemahiran masing-masing.

3.3. Sikap guru Sejarah dalam melaksanakan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) bagi aspek Tingkah Laku

Berdasarkan persoalan ketiga iaitu sikap guru dalam melaksanakan KPS aspek tingkah laku, pengkaji telah mendapati tingkah laku positif bagi setiap peserta kajian. Peserta kajian bertanggungjawab terhadap pelaksanaan KPS kepada murid-murid. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan GA yang mana pelaksanaan KPS memerlukan kegigihan seseorang guru dalam memastikan objektif pengajaran tercapai. Seseorang guru perlu bersedia sama ada dari segi pengetahuan isi pelajaran berkaitan KPS, bahan bantu mengajar (BBM) dan sikap mesra guru juga amat penting dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang dianggap mata pelajaran yang membosankan dalam kalangan murid.

> *"… saya akan sedia siap-siap bahan apa yang nak guna semasa mengajar nanti, bukan apa, takut budak-budak cepat bosan, saya kena jadi cikgu Sejarah yang mesra dan ceria baru depa syok belajar…"* (GA:L3, ms1, b7)

Dapatan ini diperkukuhkan lagi dengan dapatan pemerhatian yang menunjukkan GA menyampaikan KPS dengan menggunakan BBM yang telah disediakan olehnya. Selain itu beliau menggunakan komunikasi yang sangat baik dengan murid-muridnya.

Selain itu, GD juga menyatakan bahawa jika guru bertanggungjawab terhadap pengajaran mereka, pelaksanaan KPS menjadi mudah kerana guru tahu akan tanggungjawab masing-masing terutama dalam menyampaikan elemen KPS dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

> *"…saya mesti akan tanya murid-murid saya, tentang elemen KPS, bukan apa takut mereka tak faham, kalau mereka boleh jawab saya suruh la murid lain bagi tepukan… "* (GD:L3, ms1, b18)

Bagi GB pula, beliau galakkan murid untuk bertanya soalan kepadanya sekiranya terdapat sebarang permasalahan dalam kalangan murid. selain itu, GB akan memberi rangsangan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

motivasi kepada murid-muridnya agar mereka terus kekal bersemangat untuk belajar Sejarah.

> *"... saya galakkan murid-murid saya tanya soalan kalua mereka tak faham, kadang tu saya bagi jugak la motivasi kepada mereka semua untuk mereka lagi belajar Sejarah ni...* (GB:L2, ms2, b13)

Dengan yang demikian, sikap positif guru Sejarah dalam melaksanakan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah sangat penting bagi memastikan penyampaian pengajaran KPS bukan sahaja untuk kecemerlangan murid, malah membantu dalam membentuk murid-murid yang mampu berpemikiran sejarah serta memupuk perasaan cinta akan negara dalam kalangan murid juga perasaan empati. Perkara ini turut diperkatakan oleh GC seperti kenyataan berikut:

> *"...mengajar Sejarah ni bukan untuk exam sahaja, malah lebih daripada tu sebab nak pupuk mereka cinta kepada negara, perasaan empati..."* (GC:L2, ms2, b22)

Kenyataan-kenyataan di atas cukup untuk meyakinkan pengkaji bahawa sikap positif guru dapat membantu dalam pelaksana KPS dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Sikap guru yang positif memberikan impak yang positif kepada murid-murid dalam mempelajari Sejarah. Sikap guru sama ada aspek kognitif, afektif dan tingkah laku ini dapat membantu guru-guru Sejarah dalam melaksanakan KPS dan sikap negatif guru mungkin menyebabkan KPS tidak dapat dilaksanakan dengan baik ketika proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah.

4. Perbincangan Kajian

Berdasarkan analisis kajian, mendapati sikap guru Sejarah bagi aspek kognitif menunjukkan setiap guru konsisten dalam melaksanakan KPS walaupun ada di kalangan mereka bukan guru opsyen. Bagi sikap kognitif, guru Sejarah mempunyai perancangan yang baik sebelum mereka melaksanakan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Guru-guru telah membuat persediaan sebelum mereka melaksanakan pengajaran terutama dalam menyampaikan elemen KPS kepada murid-murid. Guru Sejarah yang bersikap proaktif akan membuat perancangan pengajaran secara teratur berdasarkan kurikulum Sejarah agar proses pengajaran dan pembelajaran sejarah tidak tertumpu kepada ledakan fakta semata-mata. Namun begitu, mata pelajaran Sejarah perlulah berlandaskan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) iaitu situasi yang membolehkan murid dapat berfikir secara kritis, mampu membuat perkaitan di antara satu peristiwa dengan satu peristiwa yang lain, membuat interpretasi, mencari bukti, membuat pertimbangan dan ramalan serta imaginasi yang meletakkan murid pada kedudukan sebagai seorang sejarahwan (Bickford II & Bickford, 2015; Cowgill II & Waring, 2017).

Dari segi sikap guru aspek afektif pula, kajian ini menunjukkan guru Sejarah bersemangat dan bersungguh-sungguh dalam menyampaikan KPS kepada murid-murid. Walaupun mereka terpaksa mengajar di kelas murid berprestasi rendah, inisiatif guru melakukan perubahan dan inovasi dalam pengajaran Sejarah menunjukkan mereka bersungguh-sungguh dalam menyampaikan KPS kepada murid-murid seperti mana yang dihasratkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi mata pelajaran Sejarah adalah untuk melahirkan murid yang arif dan peka sejarah serta mampu menyumbang kepada pembentukan masyarakat

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang berdaya saing pada masa hadapan. Kurikulum ini memberi penekanan kepada kesepaduan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai agar dapat memberi pemahaman kepada murid dalam membina jati diri dan semangat cinta akan negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum [BPK], 2016).

Kajian ini juga telah menjawab persoalan kajian ketiga iaitu berkaitan sikap guru aspek tingkah laku positif amat diperlukan oleh guru-guru Sejarah dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran terutama elemen-elemen KPS iaitu memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi kepada murid-murid sejarah dengan lebih berkesan. Menurut Nur Hawa Hanis dan Ghazali (2018) sekiranya guru bersikap negatif, menyebabkan mereka gagal mencerna minda murid supaya lebih berfikir secara kritis dan boleh menghasilkan idea-idea baru. Oleh itu, guru sejarah haruslah memberikan dorongan kepada murid-murid agar dapat memotivasikan mereka untuk terlibat secara aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran sejarah di bilik darjah (Bahagian Pembangunan Kurikulum [BPK], 2018).

Dorongan tersebut hendaklah dilakukan selaras dengan pelibatan murid dalam aktiviti pembelajaran dengan memberi peluang sepenuhnya kepada murid berkomunikasi dan berkolaboratif antara satu sama lain, mengemukakan soalan-soalan yang kritis, menyelesaikan sesuatu masalah dan peluang memimpin secara berkumpulan (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2018; Mahdi Shuid, 2017). Hal ini demikian kerana murid-murid akan mudah berputus asa mempelajari pelajaran sejarah jika mereka tidak memahami isi pembelajaran lebih-lebih lagi memerlukan kemahiran berfikir secara kritis dan analitis (Syed Ismail et al., 2017; Mahdi Shuid, 2017; Ismail Said, 2014). Selain itu, guru sejarah hendaklah memotivasikan emosi murid dengan cara memberikan pujian dan anugerah untuk menggalakkan murid serta tanda keprihatinan guru sejarah terhadap pembelajaran mereka (Bahagian Pembangunan Kurikulum [BPK], 2018).

Selain itu, dapatan menunjukkan sikap positif guru Sejarah membantu guru sejarah dalam melaksanakan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Dapatan ini memperkukuhkan lagi kajian Muhamad Yazid (2018) dan M. Kaviza, (2020) yang menyatakan bahawa penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam proses pengajaran dan pembelajaran sangat memerlukan kesediaan guru sejarah daripada aspek pengetahuan dan kemahiran serta sikap guru Sejarah terhadap penerapan KPS.

Perbincangan di atas juga secara jelas merujuk bahawa salah satu keperluan utama bagi seorang guru iaitu sikap guru yang tugas hakikinya adalah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Keperluan memenuhi kehendak ini adalah antara tuntutan asas yang perlu dilihat oleh semua pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan kelangsungan komitmen guru di peringkat pelaksana atau mikro. Keperluan ini bukan hanya memfokuskan kepada golongan guru-guru tertentu sahaja dalam pelaksanaan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah tetapi meliputi keseluruhan organisasi guru di Malaysia dan sebahagiannya adalah guru mata pelajaran Sejarah. Usaha guru dalam memastikan sikap guru berada dalam keadaan positif sama ada di waktu pengajaran atau luar waktu persekolahan dapat membantu guru dalam memaksimumkan penyampaian KPS mereka kepada murid-murid.

5. Kesimpulan

Sikap guru mempunyai perkaitan rapat dengan amalan guru semasa dalam kelas. Sikap guru yang positif akan menentukan keberkesanan dalam amalan pengajaran seharian dan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sebaliknya sikap guru yang negatif akan menjejaskan pembelajaran murid. Kesimpulannya, sikap guru Sejarah amat besar pengaruhnya terhadap pelaksanaan KPS dalam pengajaran dan Sejarah. Dapatan ini memberi implikasi kepada sistem pendidikan bahawa bagi meningkatkan kesediaan guru-guru Sejarah terhadap pelaksanaan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah, maka pihak sekolah atau Kementerian Pendidikan Malaysia perlulah juga memastikan sikap guru adalah positif. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan faktor sikap guru merupakan faktor yang memberi sumbangan yang besar terhadap kesediaan guru melaksanakan KPS dalam pengajaran. Penemuan kajian ini membawa implikasi kepada pihak-pihak yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan kurikulum Sejarah bagi merancang program-program latihan yang efektif untuk meningkatkan penguasaan pengetahuan kandungan subjek, pengetahuan pedagogi dan memupuk sikap yang positif dalam usaha meningkatkan tahap kesediaan guru-guru Sejarah menerapkan KPS dalam kalangan murid-murid. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada para guru Sejarah terutamanya dalam melengkapkan diri dengan memiliki sikap positif iaitu aspek kognitif, afektif dan tingkah laku positif agar mereka dapat mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah terutama dalam melaksanakan KPS kepada murid-murid agar objektif dan matlamat kurikulum Sejarah tercapai.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Sains Malaysia (JEPeM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Shahabuddin bin Hashim selaku penyelia utama yang telah banyak memberi tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan tanpa jemu sehinggalah saya dapat menyelesaikan artikel ini. Terima kasih diucapkan kepada peserta kajian yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam menjayakan penerbitan ini.

Rujukan

Azrul Azeem Selamat. (2019). Amalan Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Kalangan Guru-Guru Sejarah Tahun 5 Di Petrajaya: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial,* 2.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Sejarah. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4 dan 5.* Putrajaya Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bickford II, J. H., & Bickford, M. S. (2015). Historical thinking, reading and writing about world's newest nation, South Sudan. *Social Studies Research and Practice, 10*(2), 111–123.

Cowgill II, D. A., & Waring, S. M. (2017). Historical thinking: An evaluation of student and teacher ability to analyze sources. *Journal of Social Studies Education Research*, *8*(1), 115–145

Ismail Said. (2014). *Kaedah Pengajaran Sejarah. Selangor:* Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Sejarah, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Jemaah Nazir.* Putrajaya: Malaysia.

Krishnaveni Vasudevan. (2013). *Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Mata Pelajaran Sejarah dari Perspektif Guru dan Pelajar*. Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lisa Yip Shukye. (2014). Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Kalangan Murid-murid. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 13, 37- 49

Mahdi Shuid. (2017). *Pembelajaran Kooperatif dan Pembelajaran Kolaboratif: Pilihan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21.* Dlm. Mahdi Shuid et.al. (pnyt). Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Abad Ke-21. Kuala Lumpur: Global Mediastreet Sdn Bhd.

M. Kaviza. (2020). Penggunaan Sumber Dokumen Teks Dalam Subjek Sejarah: Satu Sorotan Kajian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 5*(10), 200-206.

Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Noria Munirah Yakub & Ahmad Ali Seman. (2016). Historical Thinking Skills among Pre-Service Teachers in Indonesia and Malaysia. *Creative Education, 7*, 62-76

Muhamad Yazid Khalil. (2018). Tahap Pengetahuan Guru Sejarah Sekolah Rendah Dalam Kemahiran Pemikiran Sejarah. *Prosiding National Innovation and Invention Competition through Exhibition,* 1- 12.

Noorafini Kassim, Saini Ag. Damit & Muhammad Suhaimi Taat. (2017). Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar PPIN, UMS. *Jurnal 'Ulwan, 1*, 125-142.

Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam. (2018). Kesediaan guru melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, *6*(3), 22 to 31.

Padmanaban Madawan, Ruhizan Muhammad Yasin, & Mohd Isa Hamzah. (2017). Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Pelajar Kolej Matrikulasi Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pembelajaran, 541–547. https://sted18.files.wordpress.com

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Empat.* Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu.* Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rosy Talin. (2016). Why Historical Thinking Skills was not there? *International Journal of Learning and Educational Research,* 15(3), 134-142.

Siti Hawa Abdullah. (2019). *Pendidikan Sejarah: Pemikiran, Pemahaman dan Empati,* Penerbit Universiti Sains Malaysia.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Syed Ismail, Pushpavalli, A.R., Meor Aris & Rosli Sani. (2017). *Kaedah Pengajaran Sejarah.* Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).